

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan pengecualian guru-guru untuk melaksanakan tugas perkeranian bagi meringankan beban mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai pendekatan secara holistik dalam usaha mencari penyelesaian yang terbaik untuk mengurangkan beban tugas guru dalam melakukan kerja-kerja perkeranian supaya tidak mengganggu tugas hakiki mereka di sekolah. Secara keseluruhannya, beban tugas guru dalam kerja perkeranian dan teknikal ICT adalah bergantung kepada jenis tugas khas yang dipegang oleh guru. Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi menangani beban tugas guru ialah:

1. Melaksanakan kerangka baharu norma perjawatan kumpulan pelaksana di sekolah yang responsif terhadap keperluan pentadbiran, perkhidmatan, pengurusan kewangan, stor, dan aset sekolah.
2. Memastikan pengurusan di peringkat kementerian, negeri, daerah dan sekolah memahami dan mematuhi semua pekeliling serta surat siaran berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

NO. SOALAN: 28

3. Pengisian jawatan kosong di sekolah dengan melihat keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana.
4. Mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data atau pelaporan dengan pemerkasaan pengintegrasian data melalui inisiatif *single-sign-on* (SSO).
5. Memperhalus kaedah pengoperasian dan pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid.
6. Mengurangkan beban aktiviti-aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, sepertimana surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2016 berhubung Garis Panduan Pengurusan Majlis/Program/Acara dan Pengurangan Amalan Protokol dan Sambutan di Bahagian/Jabatan/Institusi/ Pendidikan di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
7. Kepimpinan sekolah yang berkesan diperkasakan melalui program National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL).
8. Memastikan pemantauan amalan melindungi masa instruksional (MMI) dilaksanakan sewajarnya.

Dalam masa yang sama, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB). Di samping itu juga, pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif yang telah dilaksanakan akan dijalankan oleh Jawatankuasa ini.

Sekian, terima kasih.